

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa bilangan panggilan telefon kepada Talian Kasih 15999 dari bulan Januari 2020 sehingga kini mengikut jenis panggilan seperti keganasan rumahtangga, jenayah seksual kanak-kanak, cubaan membunuh diri dan perkara lain dan apakah tindakan dan bantuan pihak Kerajaan bagi kes-kes tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Talian Kasih merupakan talian prihatin masyarakat yang boleh diakses oleh orang awam melalui dua sumber iaitu menerusi talian bebas tol 15999 dan aplikasi *WhatsApp* di nombor 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari yang mana talian ini berfungsi sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, pembuangan bayi, perkhidmatan kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian.

Aplikasi *WhatsApp* Talian Kasih 019-26 15999 diwujudkan pada 30 Januari 2020 adalah bertujuan untuk menambah baik mutu perkhidmatan Talian Kasih yang sedia ada bagi memberi fokus kemudahan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pendengaran dan pertuturan untuk mengajukan sebarang pertanyaan, permohonan dan aduan.

Bagi tahun 2020, dari bulan Januari sehingga 14 November 2020, Talian Kasih telah menerima 159,703 panggilan. Menerusi jumlah ini, 97,576 panggilan telah diterima menerusi Talian Kasih 15999 manakala bermula Februari sehingga 14 November 2020, sebanyak 62,127 pesanan telah diterima melalui aplikasi *WhatsApp* Talian Kasih.

Pecahan kategori bagi rekod keseluruhan di Talian Kasih adalah sebanyak

- i. 1,847 berkaitan kanak-kanak;
- ii. 2,287 mengenai keganasan rumah tangga;
- iii. 467 berkaitan pengemis/gelandangan;
- iv. 70,177 berkaitan bantuan kebajikan;
- v. 4,119 mengenai kaunseling;
- vi. 661 rekod yang melibatkan Orang Kurang Upaya (OKU); dan

vii. 359 adalah berkaitan warga emas.

Segala pertanyaan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian akan dijawab di peringkat Talian Kasih manakala segala butiran aduan dan permohonan akan disalurkan ke Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian untuk tindakan selanjutnya. Aduan dan permohonan yang telah dipanjangkan akan diambil tindakan oleh pegawai yang bertugas di daerah atau negeri berkaitan. Maklum balas kemudiannya akan diberi kepada Talian Kasih selepas siasatan selesai dan status kes akan ditutup di peringkat Talian Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada hospital dan klinik kesihatan awam dari tahun 2016 hingga 2020 dan senaraikan bilangan kes mengikut negeri, hubungan antara pelaku dan mangsa, umur pelaku dan mangsa, bangsa pelaku dan mangsa, jantina (gender) pelaku dan mangsa. Apakah usaha Kementerian untuk membendung kes keganasan rumah tangga setakat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengumpul data daripada perkhidmatan *One Stop Crisis Center* (OSCC) yang beroperasi 24 jam di semua Jabatan Kecemasan hospital KKM bagi kes-kes penderaan fizikal dan seksual malahan juga penderaan psikologi bagi semua golongan terutama wanita dan kanak-kanak di Malaysia. Data pada tahun 2019 menunjukkan jumlah kes penderaan (bagi semua jenis penderaan) yang dilaporkan adalah sebanyak **10,880 kes**. Daripada jumlah ini, bagi kes yang dilaporkan ke OSCC, penderaan fizikal merupakan jenis penderaan tertinggi iaitu **7,668 kes (70.5%)**, diikuti dengan penderaan seksual **3,132 kes (28.6%)** dan penderaan psikologi **80 kes (0.9%)**.

Pada tahun 2019, jumlah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan daripada OSCC yang tertinggi adalah W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya (**1,296 kes**) diikuti Johor (**1,257 kes**) dan Pulau Pinang (**1,141 kes**). Mengikut status hubungan dengan pelaku bagi jenis penderaan fizikal, majoriti pelaku adalah ibu/bapa kandung bagi kanak-kanak, manakala remaja (18 tahun ke atas) dan dewasa adalah suami/isteri. Bagi penderaan seksual, majoriti pelaku adalah saudara mara bagi kanak-kanak dan remaja manakala bagi dewasa majoriti pelaku merupakan ibu/bapa kandung. Begitu juga penderaan emosi, majoriti pelaku adalah ibu/bapa kandung bagi kanak-kanak dan bagi remaja dan dewasa majoriti pelaku merupakan suami/isteri.

Bagi jenis penderaan fizikal, majoriti kes adalah golongan dewasa (20 tahun ke atas) dan merupakan jantina perempuan, bagi penderaan seksual, majoriti adalah kanak-kanak berumur 10 – 17 tahun dan majoriti jantina perempuan bagi kes rogol dan cabul, manakala kes liwat majoriti jantina lelaki. Bagi penderaan psikologi/emosi, majoriti berlaku pada kanak-kanak berumur 0-9 tahun dan jantina perempuan. Bagi ketiga-tiga jenis penderaan, majoriti mangsa adalah berbangsa Melayu.

## SOALAN NO. : 12

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dari tahun 2016 hingga Jun 2020, sebanyak **3,391** kes telah dilaporkan kepada JKJ. Dari pada jumlah tersebut:

- 3 negeri tertinggi berlakunya kes keganasan rumah tangga ialah Selangor iaitu 718 kes (21.2%), Pulau Pinang sebanyak 519 kes (15.3%) dan Kedah sebanyak 364 (10.7%).
- 3 kategori umur tertinggi pelaku bagi tahun 2016 hingga Jun 2020 adalah 22-39 tahun sebanyak 1,851 (61.1%), 40-59 tahun sebanyak 1,006 (33.2%) dan 18-21 tahun sebanyak 95 (3.1%).
- 3 kategori tertinggi umur mangsa bagi tahun 2016 hingga Jun 2020 ialah 22-39 tahun sebanyak 2,007 (59.2%), 40-59 tahun sebanyak 691 (20.4%) dan kanak-kanak bawah 18 tahun sebanyak 371 (10.9%).
- 3 kategori etnik tertinggi pelaku bagi tahun 2016 hingga Jun 2020 adalah Melayu sebanyak 1,941 (61.6%), India sebanyak 537 (17.0%) dan Cina sebanyak 342 (10.8 %).
- 3 kategori etnik tertinggi mangsa bagi tahun 2016 hingga Jun 2020 ialah Melayu sebanyak 2,041(60.2%), India sebanyak 605 (17.84%) dan Cina sebanyak 379 (11.2%).
- 3 kategori tertinggi pelaku mengikut jantina ialah suami sebanyak 2,539 (80.5%), bapa kandung sebanyak 187 (59.3%), saudara mara lain iaitu lelaki 137 (4.3%) dan perempuan sebanyak 48 (1.5%).
- 3 kategori tertinggi mangsa mengikut jantina ialah isteri sebanyak 2,679 (79%), saudara mara lain iaitu lelaki sebanyak 212 (4.6%) dan perempuan sebanyak 292 (8.6%), dan bekas isteri sebanyak 67 (1.9%)

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat dibendung.

Antara perkara yang diberi tumpuan adalah penambahbaikan prosedur dan garis panduan untuk agensi-agensi kerajaan mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga agar ia selaras dengan peruntukan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Selain itu, Kementerian juga mengambil inisiatif bagi menyediakan manual yang boleh dijadikan rujukan dan panduan dalam kalangan mangsa mengenai hak-hak mereka dan memudahkan akses kepada bantuan perlindungan yang disediakan oleh agensi Kerajaan yang berkaitan. Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga berserta manual rujukan tersebut dijangka siap pada tahun 2021.

Kementerian turut mengadakan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan dalam membangunkan bahan promosi bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu berkaitan keganasan rumah tangga dan pada masa yang sama, menekankan tentang keperluan sokongan psikologi yang berterusan kepada mangsa yang turut disediakan melalui Talian Kasih KPWKM. Selain itu, Kementerian turut memfokuskan untuk memperluas tempat selamat di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan tempat berlindung di bawah badan bukan kerajaan bagi menampung keperluan mangsa dan ahli keluarga terlibat.

Isu penyelarasan data-data berkaitan kes keganasan rumah tangga juga diberi perhatian bagi membolehkan sebarang perancangan dan juga pelaksanaan program dan aktiviti dapat dilaksanakan secara bersasar yang secara tidak langsung dapat membantu dalam menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL  
RAHMAN [ MUAR ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan untuk memberikan komitmen serta membentangkan rancangan untuk mengharamkan perkahwinan di bawah umur bagi memastikan eksploitasi kanak-kanak dapat dibendung.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan obligasi negara terhadap Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Kementerian ini berpegang kepada prinsip bahawa kanak-kanak seharusnya diberi peluang untuk merealisasikan potensi mereka sepenuhnya. Perkahwinan pada usia muda bercanggah dengan prinsip perkembangan kanak-kanak dan sewajarnya dielakkan kerana ia boleh memberi kesan terhadap hak kanak-kanak ke atas pendidikan, kesihatan reproduktif, kesihatan emosi dan mental. Perkara ini memerlukan perhatian yang serius dan perlu ditangani secara bersepadu oleh semua pihak.

Dalam hal ini, Kerajaan komited dalam meneruskan usaha bagi menangani perkahwinan bawah umur melalui pelaksanaan dan pemantauan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 8 Januari 2020.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Pelan ini dilaksanakan untuk sepanjang tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2020 sehingga 2025. Pada 24 Ogos 2020 yang lepas, satu Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu telah bersidang yang bertujuan untuk memantau perkembangan program dan tindakan bagi setiap strategi di bawah Pelan tersebut.

Selain itu, Kementerian turut menyediakan satu pelan komunikasi strategik di samping merangka program advokasi secara menyeluruh sepanjang tempoh lima (5) tahun pelaksanaan Pelan ini.

Memandangkan Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum yang mempunyai adat, budaya dan agama yang berlainan, maka perundingan dan sesi libat urus bersama pakar-pakar berkaitan termasuk pakar kanak-kanak, pakar budaya dan pakar syarie perlu dilaksanakan secara berterusan dan berperingkat bagi memastikan pandangan daripada semua pihak diambil kira dalam penetapan had minimum umur

**SOALAN NO. : 34**

perkahwinan pada umur 18 tahun. Walau bagaimanapun, penetapan had umur ini juga adalah tertakluk pada kuasa Majlis Agama Islam Negeri.